



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 11 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	BELANJAWAN 2025: FOKUS TEKNOLOGI UNTUK TINGKATKAN HASIL PERTANIAN -KPKM, NABALU NEWS -ONLINE ULASAN KONSEP SUBSIDI BOLEH DITUTUP DARI AGENDA MADANI, MALAYSIA KINI -ONLINE KPKM DITUNTUT TEGAS, SEMUA PIHAK PERLU KOMITED JAYAKAN REFORMASI RADIKAL, NASIONAL, BH -2 TETAPKAN BERAS SATU GRED TURUNKAN HARGA BELIAN PADI, DALAM NEGERI, UM -7 SABAH MINTA PENGECUALIAN TAMAT SUBSIDI TELUR, NASIONAL, BH -6 PENGAGABUNGAN TINGKAT KECEKAPAN, JIMATKAN KOS, NASIONAL, BH -6 3,500 PAPAN TELUR HABIS DIJUAL DALAM MASA SEHARI, LOKAL, HM -18 SABAH MINTA PENGECUALIAN PENAMATAN SUBSIDI TELUR, LOKAL, HM -18 SEGERA APUNGKAN HARGA TELUR, NASIONAL, SH -8 10. CALLS FOR TARGETED PRICE CONTROLS AS GOVT REVIEWS EGG SUBSIDY, NATIONAL, THE SUN -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
11. 12.	RABIES: SABAH PERKETAT SEMPADAN BENDUNG JANGKITAN DARI ZON AKTIF, TV SARAWAK -ONLINE BETTER STRATEGY TO UP BEEF SUPPLY, VIEWS, THE STAR -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
13.	MARDI, FAMA BANTU HAMI ECOFARMS TINGKATKAN KUALITI TEMBIKAI JEPUN ORGANIK PREMIUM, DAGANG NEWS -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)/LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14. 15.	"PADI ROSAK SEBAB BANJIR," REALITI PETANI JE FAHAM, TAPI BOLEH ELAK RUGI KALAU PANDAI CARA NI, SIAKAP KELI -ONLINE PARAS AIR EMPANGAN KEDAH SEMAKIN MENINGKAT, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
16.	KELANTAN HARAP DAPAT RM1.3b ATASI ISU AIR SEKTOR PERTANIAN, NASIONAL, BH -7	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
17. 18. 19. 20. 21.	PERALIHAN MONSUN LONJAK HARGA SAYUR, NASIONAL, BH -6 HARGA SAYURAN NAIK 20 PERATUS, LOKAL, HM -18 MALAYSIA KE-13 DUNIA PEMAKAN TELUR AYAM TERBANYAK, NASIONAL, SH -8 'HARAP TANGGUH DULU TAMATKAN SUBSIDI TELUR' NASIONAL, SH -8 PESAWAH LEGA HARGA BELIAN PADI NAIK KEPADA RM1,300 SATU TAN, NASIONAL, BH -9	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2024	NABALU NEWS	ONLINE	

Belanjawan 2025: Fokus teknologi untuk tingkatan hasil pertanian - KPKM



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merancang untuk meningkatkan penggunaan teknologi dalam sektor pertanian menerusi Belanjawan 2025 yang akan diterima kementerian itu.

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasa golongan petani, penternak, dan peladang dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil mereka.

Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak menjelaskan, teknologi memainkan peranan penting dalam memperbaharui kaedah pertanian yang digunakan.

"Ada yang telah menggunakan teknologi ini, dan kita ingin memperluaskannya.

"Kumpulan yang masih menggunakan kedah tradisional perlu dibantu dan diberikan latihan. Ia bagi membantu mereka mendapatkan hasil yang baik selain memperkenalkan teknologi dalam bidang pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menjadi tetamu program Selamat Pagi Malaysia di Angkasapuri.

Isham turut menekankan bahawa aplikasi teknologi terkini dapat mengembangkan penternakan pintar serta meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil pertanian yang boleh menyumbang kepada rantaian bekalan domestik dan eksport antarabangsa.

Pada Belanjawan 2024, KPKM telah menerima peruntukan sebanyak RM6.17 bilion.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2024	MALAYSIA KINI	ONLINE	

ULASAN | Konsep subsidi boleh ditutup dari agenda Madani



ULASAN | Menteri Pertanian Mohamad Sabu dan Kementerian Keterjaminan Makanan, pada 9 Oktober 2024, di Perhimpunan Bulanan kementerian itu, telah membuat dua kenyataan penting:

- i. Membayangkan 'subsidi' telur Gred A, B dan C akan dikaji semula untuk ditamatkan; dan
- ii. Menegaskan bidang kuasa tiga badan yang mengawal selia industri padi dan beras negara iaitu Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Bhd (Bernas) akan diasingkan.

Jelas beliau, usaha kedua itu bertujuan mengatasi isu ketiadaan beras putih di pasaran tempatan, sekali gus menjamin kebajikan 230,000 pesawah di negara ini.

Merujuk isu telur, jika subsidi telur hendak dihapuskan bagi menjimatkan duit kerajaan sebanyak RM100 juta, jadi apa lagi bantuan kerajaan yang tinggal untuk rakyat? Yang pasti tiada apa lagi yang tinggal, konsep 'subsidi' boleh ditutup dari agenda murni kerajaan Madani buat selamanya.

Ketiadaan subsidi pastinya akan meningkatkan lagi harga telur di pasaran. Pastinya mereka yang terjejas adalah golongan berpendapatan rendah seperti B40, pelajar, buruh, warga emas dan pesara kerana pendapatan rendah, berkurangan atau kehilangan pendapatan kerana kehilangan upaya.



Harga purata sepapan telur ayam gred A yang ditetapkan adalah RM12.61/30 @ RM0.42 sen sebiji manakala telur ayam kampung RM7.12/10 @ RM0.71 sen sebiji. Namun hakikatnya, telur ayam kampung dijual pada harga RM0.83 sen sebiji @ RM25/30 sepapan adalah bukti harga telur sudah pun meningkat sebanyak 17% sebelum subsidi ditamatkan.

Kini orang ramai mula memilih membeli telur di kaki lima; misalnya di Bukit Jelutong, Shah Alam; dengan bekalan mereka diperolehi terus dari Johor dan Melaka. Harganya lebih murah berbanding jika dibeli di pasar raya atau mini market.

Kalau makan telur separuh masak di restoran mamak pula harganya RM1.50 sen sebiji. Lepas ini, tanpa subsidi, orang ramai kena rajin-rajinlah masak telur di rumah kerana

harganya akan bertambah mahal. Ini belum termasuk harga makanan seperti roti canai dan kuih-muih yang mana telur antara bahan utama.

Kebanyakan orang tahu khasiat telur sebagai sumber protein untuk kesihatan dan mencegah penyakit yang elok dimakan setiap hari.

Ramai orang berkata, selepas Menteri KPKM melawat industri telur ayam di India dan Perdana Menteri melawat Pakistan untuk menarik pelaburan, rupanya subsidi telur yang akan ditarik balik bagi menampung kos sektor lainnya. Ini menimbulkan persoalan mengapa industri ternakan ayam telur masih belum menjadi.

Isu beras tempatan

Merujuk isu padi dan beras pula, selain usaha memperkemas tatakelola, pihak kerajaan perlu serius dalam usaha untuk merombak cengkaman puak kroni dan kartel yang selama ini diketahui dan disedari, tetapi masih belum dapat berbuat apa-apa secara efektif.

Dalam hal ini, rakyat jelata sudah tidak sabar menunggu kemunculan semula beras tempatan yang hilang tidak muncul entah ke mana sejak September 2023. Jika rakyat berpendapatan rendah biasa membeli beras tempatan dengan harga RM13.00/5 kg pada tahun 2021, kini mereka membeli beras tempatan bercampur beras import atau Beras Madani dengan harga antara RM15.50/5 kg.

Kesungguhan pihak kementerian bagi menyelesaikan kedua-dua isu di atas memerlukan kajian mendalam melalui kerjasama dan libat urus dengan ramai pihak terutamanya NGO dan komuniti setempat dalam memberikan maklumat dan maklum balas.

Dalam situasi kos sara hidup yang semakin meningkat, pihak kerajaan perlu sensitif dan prihatin akan permasalahan rakyat keseluruhannya yang mana kewajaran subsidi RM100 juta itu adalah lebih afdal dikekalkan untuk rakyat.

Jika tidak, rakyat akan membandingkan [pengecualian cukai sebanyak RM83 juta](#) yang diberikan kepada Universiti Tunku Abdul Rahman, suatu kelompok tertentu sahaja, adalah suatu kerja gila, politik diri lebih penting dan tak masuk akal.

Tinggalkanlah tabiat buruk lama umpama pepatah Melayu menyatakan "bagai ayam bertelur riuhnya sekampung", kini pula "Bagai subsidi telur nak dimansuhkan, riuhnya satu negara" kerana hampir semua orang setiap hari makan telur.

Tinggalkanlah juga tabiat buruk dan tatakelola lama yang umpama harapkan pagar, pagar makan padi yang masih wujud tanpa pembendungan rapi hingga merosakkan keterjaminan makanan utama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	2



Minda Pengarang

KPKM dituntut tegas, semua pihak perlu komited jayakan reformasi radikal

Reformasi radikal dan menyeluruh diumumkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) wajar diberikan perhatian semua pemegang taruh, malah ia menepati saranan Minda Pengarang selama ini supaya kerajaan mewujudkan agenda besar dalam sektor pertanian. Ia bukan sahaja demi meningkatkan lantai ekonomi rakyat terutama petani, pesawah, penternak dan nelayan bahkan, memastikan seluruh rantai agromakanan diurus dengan cekap.

Usaha sebegini mampu meningkatkan siling ekonomi negara secara serampang dua mata kerana berupaya memperkukuh keterjaminan makanan dan menjadikan Malaysia lebih berdaya tahan dalam peralihan ke arah status negara berpendapatan tinggi. Penggabungan tujuh agensi penguat kuasa di bawah KPKM seperti diumumkan Menteri, Datuk Seri Mohamad Sabu bakal membabitkan lebih 2,000 penguat kuasa dan 14 akta, sekali gus menjadi satu ketumbukan ampuh dalam memastikan ketelusan dan keberkesanan penguatkuasaan sektor agromakanan. Ini penting untuk membendung ketirisan dan penyeludupan selama ini membelenggu sektor padi, perikanan dan ternakan negara.

Kita mengharapkan penggabungan ini dapat memastikan pemantauan lebih menyeluruh, menghapuskan pertindihan tugas dan memperkemas operasi lapangan selepas Kementerian memberi perhatian terhadap keluhan petani dan pengusaha tempatan sering terkesan dengan isu bekalan dan kawal selia lemah.

Minda Pengarang sebelum ini juga pernah menyarankan kerajaan mengemukakan naratif pertanian besar dan holistik, terutama dalam aspek kawal selia padi dan beras. Peraturan baharu seperti larangan mencampurkan beras putih tempatan dengan beras import diharap menjadi landasan permulaan untuk mekanisme lebih berdaya tahan, sekali gus memastikan integriti hasil tempatan dan memelihara kestabilan pasaran. Tambahan pula, pengenalan asas pengiraan baharu kadar sara diri dan penggunaan perkapita selari piawai Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), mencerminkan keperluan negara untuk mengadaptasi piawai antarabangsa dalam mengukur keupayaan agromakanan kita secara lebih tepat dan relevan.

Pengasingan kuasa antara agensi terbabit dalam pembangunan industri padi juga langkah strategik diharap memperkukuh tatakelola sektor ini. Pemecahan kuasa antara Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kawal Selia Padi Beras serta wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) akan menghapuskan persepsi wujud 'konflik kepentingan' hingga dapat mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan, sekali gus memperkuat usaha negara dalam memastikan keterjaminan padi dan beras.

Namun, kita mengingatkan reformasi ini membuahkan hasil jika disokong pelaksanaan tegas serta komitmen jangka panjang semua pihak berkepentingan. Sokongan menyeluruh rakyat serta kesediaan mereka berhadapan perubahan serta sinergi antara sektor awam dengan swasta adalah kunci kejayaan. Kita juga meminta KPKM turut membabitkan media dalam menyebarkan maklumat demi memastikan agenda reformasi ini sampai ke akar umbi. Bertepatan Belanjawan 2025 bakal dibentangkan pada bulan ini, kita juga menyarankan KPKM memperkukuh pengurusan rantai makanan, memastikan ia turut mengambil kira aplikasi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan IR5.0 yang dapat meningkatkan tahap pertanian negara, sekali gus menjadikan sektor itu lebih kompetitif pada peringkat global.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Tetapkan beras satu gred turunkan harga belian padi

KANGAR: Kebanyakan kilang padi besar yang juga menjadi pemborong didakwa sudah lama mencampurkan beras tempatan dan import kemudian dijual dengan harga beras import.

Aktiviti seperti itu bukan 'rahsia' sehingga menyebabkan ia antara faktor ketidadaan bekalan beras tempatan di pasaran.

Justeru, langkah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang akan memperkenalkan Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import dilihat tidak efisien.

Ini kerana, penguat kuasa tiada kepakaran mengenal pasti beras import dan mana beras tempatan.

Sebaliknya akan mendorong pengilang terabit yang selama ini bermain harga belian padi dijangka menurunkan harga belian tersebut daripada RM1,800

per tan kepada RM1,400.

Pengilang terabit selama ini didakwa berani membeli padi dengan harga lebih mahal kerana na mereka mencampurkan beras tempatan dan beras import sekali gus dapat mengaut lebih keuntungan.

Kesan peraturan baharu kerajaan itu dijangka menyebabkan pesawah paling terjejas kerana pengilang akan menurunkan harga belian padi kerana dikawal tidak boleh mencampurkan beras tempatan dan beras import untuk dilabel sebagai beras import.

Bagi mengatasi masalah ini secara menyeluruh, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzuki Othman berkata, kerajaan perlu memperkenalkan beras pada satu gred seterusnya menetapkan harga siling yang tidak membebankan pengguna.

Selain itu, menurut beliau, harga beras juga perlu disemak

semula memandangkan sudah 16 tahun tidak pernah disemak.

Katanya, harga beras pada satu gred berkenaan boleh ditetapkan antara RM35 atau RM36 bagi berat 10 sekilogram yang sekali gus tidak akan menjejaskan harga belian padi.

Kata beliau, kaedah memperkenalkan Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import dilihat tidak relevan selain itu bagaimana mekanisma untuk mengetahui sama ada beras import atau tempatan kerana kedua-dua sama.

"Adakah penguat kuasa akan diletakkan sepanjang masa di kilang-kilang untuk memantau perkara berkenaan? Agak mustahil untuk memantau sepanjang masa.

"Selama ini, kebanyakan kilang besar yang mempunyai pemborong sendiri mencampurkan beras ini. Mereka berke-

mungkinan juga akan kembali menurunkan harga belian padi jika tidak boleh lagi mencampurkan beras tersebut.

"Untuk mengelakkan manipulasi beras tempatan yang dicampurkan dengan beras import oleh mereka yang tidak bertanggung jawab, saya cadangkan supaya pihak Kementerian adakan hanya satu gred beras putih dengan satu harga maksimum ditetapkan pada kadar tidak membebankan pengguna dan juga mampu memberi pendapatan yang setimpal kepada petani.

"Harga belian padi yang ditawarkan kepada petani tidak seiring dengan harga beras tempatan yang dikawal pada harga RM26.00 sekampit ketika ini yang tidak pernah disemak sejak 16 tahun dulu sedangkan ketika itu harga padi adalah RM1,200 per tan," katanya.

Kelmarin media melaporkan, Kementerian Pertanian dan Ket-

erjaminan Makanan akan memperkenalkan Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, ia merupakan antara empat langkah strategi reformasi Kementerian itu dalam menyelesaikan masalah yang timbul.

Selain itu, Kementerian juga akan menggabungkan penguat kuasa tujuh agensinya di bawah satu bumbung bagi memperkukuh kawal selia sektor agromakanan.

Tujuh agensi yang terlibat ialah Kawalselia Padi dan Beras (KPB); Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS); Jabatan Pertanian Malaysia (DOA); Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS); Jabatan Perikanan Malaysia (DOF); Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kema-

juan Ikan Malaysia (LKIM).

Penggabungan tingkat kecekapan, jimatkan kos

Pakar saran
contohi model
di AS jayakan
perkhidmatan
sektor
agromakanan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penggabungan beberapa agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berupaya memberikan pelbagai faedah, terutama dari aspek kecekapan, penjimatan kos dan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik membabitkan sektor agromakanan di negara ini.

Pakar ekonomi pertanian dari Putra Business School, Prof Datuk Dr M Nasir Shamsudin, berkata apabila agensi dengan fungsi bertindih bergabung, ia menghapuskan peranan pendua, program dan proses pentadbiran.

"Ia sekali gus boleh membawa kepada apabila agensi dengan fungsi bertindih bergabung, ia menghapuskan peranan pendua, program dan proses pentadbiran.

"Entiti yang digabungkan boleh berkongsi sumber seperti teknologi dan kakitangan yang akan mengurangkan kos operasi," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, bahawa pengasingan kuasa, penggabungan penguat kuasa dan peraturan baharu antara



Keratan akhbar BH semalam.

agenda reformasi dirangka kerajaan untuk sektor padi dan beras negara.

Mohamad dilaporkan berkata, langkah pertama agenda itu adalah pemantapan tatakelola, iaitu pengasingan kuasa yang akan dilaksanakan segera.

Perlu diurus dengan berkesan
M Nasir berkata, penggabungan itu boleh mengambil pakai seperti model atau pendekatan di Amerika Syarikat (AS) yang mana Jabatan Agrikultur Amerika Syarikat (USDA) berperanan sebagai persekutuan utama yang bertanggungjawab untuk dasar pertanian, keselamatan makanan, pembangunan luar bandar dan pemuliharaan.

"Tiada Jabatan Perikanan atau Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Semua di bawah USDA," katanya.

Beliau berkata, walaupun penggabungan agensi boleh memberikan manfaat, ia juga berisiko menyebabkan konflik dalam atau penentangan ter-

hadap perubahan selain cabaran dari segi kos peralihan.

Katanya, namun jika ia diurus dengan berkesan, penggabungan boleh menghasilkan penyampaian yang lebih tangkas, responsif dan kos efektif.

Beliau berkata, pihaknya juga berpendapat aktiviti penyelidikan dan pembangunan berkaitan pertanian perlu digabungkan.

Katanya, buat masa ini, selain universiti yang menjalankan penyelidikan, ada beberapa agensi di bawah KPKM yang juga menjalankan penyelidikan, sekali gus menyebabkan pembaziran kos dan sumber manusia.

"Mengambil contoh di AS setiap negeri mempunyai Stesen Eksperimen Agrikultur di bawah USDA, namun ia ditempatkan di kampus universiti dan mereka berkongsi kos peralatan, teknologi serta sumber manusia di antara pensyarah universiti dan penyelidik USDA bagi menjalankan sesuatu penyelidikan pertanian.

"Ini sudah tentu menjimatkan kos dan menaikkan produktiviti hasil penyelidikan," katanya.

Mengenai pengasingan kuasa Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam PadiBeras Nasional (BERNAS), M Nasir berkata, ia akan dapat meningkatkan ketelusan tadbir urus dan kecekapan.

Entiti yang digabungkan boleh berkongsi sumber seperti teknologi dan kakitangan yang akan kurangkan kos operasi

M Nasir Shamsudin,
Pakar ekonomi pertanian Putra Business School



Pengunjung membeli sayur ketika harga meningkat sehingga 20 peratus sejak minggu lalu ketika tinjauan di Pasar Awam Taman Perling, Johor, semalam.
(Foto Iskandar Isiah/BH)

Peralihan monsun lonjak harga sayur

Johor Bahru: Harga sayuran meningkat antara 10 hingga 20 peratus sejak minggu lalu, susulan fasa peralihan monsun yang mengakibatkan hujan lebat dan banjir di beberapa kawasan seluruh negara.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata keadaan cuaca buruk menyebabkan bekalan sayuran berkurangan sehingga 15 peratus berikutan pengeluaran hasil yang tidak seperti biasa, malah ada ladang sayuran terjejas banjir.

Katanya, kenaikan harga sayuran berikutan bekalan yang terjejas dijangka berterusan sehingga musim Monsun Timur Laut bulan hadapan.

"Penanam sayur menjangkakan keadaan cuaca buruk bermula bulan depan apabila Monsun Timur Laut bermula, namun hujan lebat dan banjir sudah mula melanda sejak minggu lalu di beberapa kawasan di Johor, Perak dan Kedah.

"Ia menyebabkan bekalan sayuran membabitkan beberapa jenis sayuran kini mula terjejas dan berkurangan berikutan hasil pengeluaran yang tidak menjadi serta rosak akibat hujan terlalu lebat, malah ada ladang sayuran termasuk di Simpang Renggam, Kluang yang di-

tenggelami banjir.

"Keadaan ini menyebabkan harga sayuran merekodkan kenaikan antara 10 hingga 20 peratus di pasaran tempatan, malah akibat kekurangan bekalan komasukan sayuran segar ke Singapura juga terjejas sehingga 10 peratus ketika ini.

"Antara sayuran yang merekodkan kenaikan harga, termasuk kacang panjang, selain kebanyakan sayur daun seperti sawi dan bayam," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam pada itu, peniaga sayuran di Tampoi, Wan Baharuddin Ahmad, berkata kenaikan harga sayuran itu berlaku sejak seminggu yang lalu.

Katanya, antara harga sayuran yang meningkat dengan ketara, termasuk kacang panjang dan sayuran berdaun.

"Harga runcit kacang panjang naik RM3 kepada RM9 sekilogram berbanding hanya RM6 minggu lalu. Begitu juga harga sayuran berdaun, terutama sawi dan bayam naik kepada RM7 sekilogram.

"Pemborong juga ada memaklumkan bekalan sayuran kini mula terjejas berikutan musim hujan lebat dan banjir, menyebabkan pengeluaran hasil di ladang terjejas dan rosak," katanya.

Sabah minta pengecualian tamat subsidi telur

Penampang: Sabah meminta dikecualikan daripada penamatan subsidi telur kerana negeri itu dan Sarawak memiliki jurang kemiskinan yang tinggi berbanding Semenanjung.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr Jeffrey G Kitingan, berkata keadaan itu menyebabkan kedua-dua negeri memerlukan subsidi babilan barangan keperluan asas.

"Tidak adil kalau subsidi yang baru diterima ditarik se-

mula, sedangkan kita banyak berti sumbangan. Biarlah Sabah bersedia tingkatkan penghasilan dan keupayaan agar rakyat kita bukan lagi tergolong dalam kategori miskin tegar.

"Oleh itu, Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah bercadang mewujudkan Pihak Berkuasa Pemasaran Pertanian Sabah untuk membantu rakyat kita.

"Kita sudah memulakan pusat pengumpulan hasil. Setakat ini,

sudah ada tujuh pusat pengumpulan dan kita bercadang untuk menambah lebih banyak dari semasa ke semasa," katanya selepas merasmikan pejabat STAR Bahagian Moyog di sini, Kelmardin.

Kelmardin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, dilaporkan berkata kemungkinannya bakal mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

Langkah itu wajar dipertim-

bangkan, katanya, berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan sebanyak RM100 juta sebulan.

Sementara itu, Jeffrey yang juga Presiden Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) tidak menolok kemungkinan kerjasama antara parti politik boleh berlaku di negeri ini, terutama ketika musim pilihan raya.

"Dalam politik apa pun boleh berlaku dan kita tidak menutup kebarangkalian itu bila-bila ma-

sa. Kerjasama pada saat akhir juga boleh berlaku, tetapi saya harap tidak begitu.

"Kebanyakan situasi ketika ini adalah provokasi dan propaganda yang kita lihat sebagai rancangan memelahkan perpaduan dalam Gabungan Rakyat Sabah (GRS)," katanya ketika mengulas mengenai wujudnya provokasi yang mahu STAR, Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Parti Warisan (Warisan) bergabung pada Pilihan Raya Negeri Ke-17 (PRN17) Sabah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	18

SUSULAN FASA PERALIHAN MONSUN

Harga sayuran naik 20 peratus

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Harga sayuran meningkat antara 10 hingga 20 peratus sejak minggu lalu, susulan fasa peralihan monsun yang mengakibatkan hujan lebat dan banjir di beberapa kawasan seluruh negara.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata keadaan cuaca buruk menyebabkan bekalan sayuran berkurangan sehingga 15 peratus, berikutan pengeluaran hasil yang tidak seperti biasa malah ada ladang sayuran terjejas banjir.

Katanya, kenaikan harga sayuran berikutan bekalan sayuran yang terjejas dijangka berterusan sehingga musim Monsun Timur Laut (MTL), bulan hadapan.

Menurutnya, penanam



ORANG ramai membeli sayur-sayuran pada waktu pagi di Pasar Awam Taman Perling, Johor. - Gambar NSTP/ISKANDAR ISHAH

sayuran menjangkakan keadaan cuaca buruk akan bermula bulan depan apabila MTL bermula.

"Namun hujan lebat dan banjir sudah mula melanda sejak minggu lalu di

beberapa kawasan di Johor, Perak dan Kedah.

"Ia menyebabkan bekalan beberapa jenis sayuran kini mula terjejas dan berkurangan berikutan hasil pengeluaran tidak menja-

di serta rosak akibat hujan terlalu lebat.

"Ia diburukkan lagi apabila ada ladang sayuran termasuk di Simpang Renggam, Kluang ditenggelami banjir.

"Keadaan ini menyebabkan harga sayuran merekodkan kenaikan antara 10 hingga 20 peratus di pasaran tempatan malah akibat kekurangan bekalan termasuk sayuran

segar ke Singapura juga terjejas sehingga 10 peratus ketika ini.

"Antara sayuran yang merekodkan kenaikan harga termasuk kacang panjang selain kebanyakan sayur daun seperti sawi dan bayam," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam pada itu, peniaga sayuran di Tampoi, Wan Baharuddin Ahmad, berkata kenaikan harga sayuran itu berlaku sejak seminggu lalu.

Katanya, antara harga sayuran yang meningkat dengan ketara termasuk kacang panjang dan sayuran berdaun.

"Harga runcit kacang panjang naik RM3 kepada RM9 sekilogram berbanding hanya RM6, minggu lalu.

"Begitu juga harga sayuran berdaun terutama sawi dan bayam yang naik kepada RM7 sekilogram, kenaikan sebanyak RM3.50 sekilogram, berbanding minggu lalu," katanya.

Kota Bharu: Bekalan telur ayam dikesan berkurangan sejak dua bulan lalu berikutan permintaan tinggi pengguna terutama peniaga di sekitar bandar ini.

Tinjauan di premis pemborong di Jalan Batu 4, Wakaf Che Yeh, di sini semalam mendapati hanya terdapat telur gred AA yang masih berbekal.

Pemborong, Azizi Zulkipli, 31, berkata, lebih 3,500 papan telur gred A, B, dan C tiba kelmarin dan habis dijual dalam masa sehari dengan masing-masing dijual pada harga kawalan RM12.60, RM12 serta RM11.40 sepapan.

Katanya, kini hanya tinggal telur gred AA yang bukan dalam harga kawalan kerajaan dan dijual pada harga RM16 sepapan.

"Situasi ini berlaku sejak dua bulan lalu kerana per-



PEKERJA kedai borong telur, Mohd Hisham Mohd Hassan, menyusun bekalan telur ayam di Jalan Batu 4, Wakaf Che Yeh, semalam. - Gambar NSTP/HIDAYATIDAYU RAZALI

3,500 papan telur habis dijual dalam masa sehari

mintaan telur agak tinggi, memandangkan ramai pelanggan yang membeli terdiri daripada peniaga kuih-muih dan kedai runcit.

"Kami akan cuba agihkan bekalan (sama rata) kepada pelanggan untuk bolehkan semua dapat," katanya.

Ditanya mengenai cadangan menamatkan subsidi telur ayam yang sedang dipertimbangkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Azizi berkata, ia mungkin akan menambah bekalan telur ayam di pasaran.

"Namun, sekiranya ia di-

laksanakan, saya harap ia tidak membebankan peniaga dan juga pengguna, terutama jika berlaku kenaikan harga telur ayam.

"Jika naik sedikit kami boleh terima dan sekiranya harga naik banyak ia akan menambah beban pengguna," katanya.

Sabah minta pengecualian penamatan subsidi telur

Penampang: Sabah minta pengecualian daripada kerajaan Pusat berhubung cadangan penamatan subsidi telur ayam seperti diumumkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, kelmarin.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr Jeffrey G Kitingan berkata, ini kerana Sabah bersama Sarawak adalah negeri yang memiliki jurang kemiskinan tinggi sekali gus memerlukan subsidi membolehkan barangan keperluan asas.

"Tidak adil kalau subsidi yang baru diterima ditarik semula sedangkan kita banyak sumbangan," katanya.

nan dan Industri Makanan Sabah bercadang mewujudkan Pihak Berkuasa Pemasaran Pertanian Sabah untuk membantu rakyat kita.

"Kita sudah memulakan pusat-pusat pengumpulan hasil. Setakat ini sudah ada tujuh pusat pengumpulan dan kita bercadang untuk menambah lebih banyak daripada semasa ke semasa," katanya selepas merasmikan pejabat Star Bahagian Moyog di sini, kelmarin.

Kelmarin, Mohamad dilaporkan berkata, kementerianannya bakal mengkaji semula pemberian subsidi telur ayam bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih dan stabil.

Langkah berkenaan wajar dipertimbangkan, katanya, berdasarkan kejayaan penamatan subsidi ayam yang memberi penjimatan sebanyak RM100 juta sebulan.

"Kami akan cuba agihkan bekalan (sama rata) kepada pelanggan untuk bolehkan semua dapat"

Azizi

"Tidak adil kalau subsidi yang baru diterima ditarik semula sedangkan kita banyak sumbangan"
jeffrey

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Malaysia ke-13 dunia pemakan telur ayam terbanyak

SHAH ALAM - Malaysia berada di tangga ke-13 dunia sebagai negara pemakan telur ayam terbanyak dengan 16.80 kilogram (kg) per kapita.

Berdasarkan laporan laman web *World Population Review*, populasi Malaysia kini adalah 32.37 juta orang dan dianggarkan mencecah 42.07 juta orang pada 2068.

Menurut laporan tersebut, telur merupakan salah satu sumber nutrisi yang paling digemari masyarakat seluruh dunia walaupun terdapat pelbagai jenis makanan lain.

"China dan Jepun merupakan dua negara yang mencatatkan penggunaan telur tertinggi di dunia.

"Jepun menjadi negara dengan penggunaan telur tertinggi kerana rata-rata penduduknya makan sekitar 320 biji

telur setiap tahun atau satu telur sehari.

"Walaupun Jepun tidak menghasilkan banyak telur, negara itu merupakan salah satu pengimport terbesar. Telur memainkan peranan penting dalam masakan Jepun seperti mi ramen, nasi dan pastri tradisional," menurut laporan itu.

Di China pula telur terus menjadi sumber protein yang sangat popular walaupun ekonomi negara itu berkembang pesat namun harganya lebih murah berbanding sumber protein lain.

Menurut laporan tersebut, kerajaan China memantau pengeluaran telur untuk memastikan harga tetap rendah agar semua lapisan masyarakat dapat mengakses sumber protein dengan harga berpatutan.

"Dianggarkan penduduk China ma-

kan lebih daripada 31 juta tan telur pada 2021. Bagaimanapun, rekod penggunaan telur di daratan China iaitu 21.97kg per tahun dikalahkan wilayah pentadbiran khasnya.

"Pertama adalah Hong Kong dengan jumlah penggunaan 26.19kg per kapita manakala Macau 23.04kg per kapita. Negara seterusnya yang paling hampir ialah Mexico (21.26kg per kapita) dan Jepun (19.59kg per kapita)," jelas laporan itu.

Sementara itu, Amerika Syarikat (AS) juga mencatatkan penggunaan telur yang tinggi tetapi tidak berada di kedudukan teratas per kapita.

Tambah laporan berkenaan, terdapat banyak negara yang menggunakan lebih telur dalam menu harian berbanding AS. Bagaimanapun katanya, telur tetap

menjadi pilihan popular di negara tersebut dan digunakan dalam pelbagai hidangan seperti rebusan, makanan bakar dan salad termasuk menu utama dalam sarapan pagi di sana.

Pada masa sama, laporan itu turut mendedahkan bahawa Paraguay juga merupakan negara yang mencatatkan penggunaan telur tertinggi walaupun negara kecil.

"Rakyat di negara tersebut makan kira-kira 310 biji telur setiap tahun kerana masyarakat di sana sering menjadikan telur rebus sebagai snek dan juga sangat popular dalam salad serta pencuci mulut.

"Namun, populariti telur telah menyebabkan keseimbangan mengenai peningkatan kolesterol dalam kalangan penduduk serta kenaikan harga telur yang ketara," ujar laporan itu lagi.

Segera apungkan harga telur

Ameer Ali ulangi saranan kepada kerajaan sekiranya bekalan telur ayam kembali pulih dan stabil

Oleh QURRATUL AINA QUDDUS
SHAH ALAM



AMEER ALI

Kerajaan digesa untuk mempercepatkan pengapungan harga telur bagi gred A, B dan C sekiranya bekalan kembali pulih serta stabil.

Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, subsidi untuk telur sepatutnya dihentikan dan harga tidak perlu dikawal seperti yang dilakukan oleh kerajaan untuk ayam sebelum ini.

Jelasnya, tiada perbezaan ketara apabila rakyat membeli telur dengan harga tanpa subsidi kerana telah biasa dengan pembelian telur Omega.

"Disebabkan masalah bekalan telur, rakyat terpaksa beli telur ayam Omega atau kampung yang

lebih mahal.

"Walaupun sebelum ini ada kawalan harga dan disubsidikan oleh kerajaan tetapi bekalan telur sampai sekarang sudah lebih setahun tidak mencukupi di pasaran.

"Kita tidak boleh fikir kalau kerajaan apungkan harga dan berfikir macam mana dengan rakyat B40 yang susah. Memang susah tapi sebenarnya dah lama susah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Rabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, penjimatan sebanyak RM100 juta daripada penamatan subsidi telur bakal dimanfaatkan untuk membangunkan sektor agro makanan lain yang lebih mendesak.

Katanya, cadangan penamatan subsidi telur ayam telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Sebelum ini, Ameer Ali yang juga Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad pada tahun lalu pernah mencadangkan kerajaan untuk bertindak segera mengapungkan harga telur bagi mengelakkan harga dan bekalan runcit bahan itu terus dimanipulasi golongan kartel.

Ujarnya, kerajaan boleh melakukan kawalan harga semasa musim perayaan apabila telur menjadi bekalan permintaan masyarakat.

"Kalau kita lepas saja, ia akan menjadi penawaran dalam permintaan dan kalau ada darurat, barulah kerajaan masuk," ujarnya.

'Harap tangguh dulu tamatkan subsidi telur'

KUANTAN - Rakyat di daerah ini mahu kerajaan menilai semula cadangan penamatan subsidi telur kerana ia dikhuatiri akan meningkatkan kos sara hidup.

Walaupun ada yang melihat langkah ini sebagai penyelesaian ekonomi dan menjimatkan kos kerajaan sebanyak RM100 juta, namun ramai pengguna berpendapat ia akan membebankan mereka.

Pekerja swasta, Zamshari Abu Hassan, 50, berkata, penarikan subsidi telur ini perlu dilihat dari sudut keperluan asas rakyat pada ketika ini.

Dia bagaimanapun mahu langkah itu ditangguhkan kerana pengguna sedang berdepan dengan kenaikan harga barangan keperluan.

"Belanja sekarang sudah cukup tinggi dan subsidi makanan seperti telur adalah perkara asas yang membantu ringankan beban. Kalau subsidi ini ditarik, harga barang lain mungkin ikut sama naik dan pengguna yang terpaksa menanggungnya," katanya ketika ditemui di sini pada Khamis.

Bagi suri rumah, Dayang Siti Mazlina Abang Ahmad, 34, harga telur pada ketika ini sudah sedia mahal dan penarikan subsidi membuatkan harga barang itu semakin tidak mampu milik.

Jelasnya, telur antara bahan asas dapur di setiap rumah lebih-lebih lagi mereka yang memiliki ahli keluarga ramai.

"Harga telur sudah mahal, jika subsidi dikurangkan, ia akan jadi lebih tinggi.

"Saya tidak setuju subsidi ini ditarik dan lebih baik harga kekal seperti sedia ada," ujarnya.

Pesara, Tajuddin Salleh, 66, pula berkata, penarikan subsidi akan memberi kesan kepada masyarakat luar bandar yang lebih bergantung kepada telur sebagai sumber makanan harian.

"Bagi orang kampung, telur adalah makanan yang mudah dan murah. Kalau harga naik, mereka yang tidak berpendapatan tetap akan terjejas. Kerajaan kena fikir semula sebelum tarik subsidi," jelasnya.

Sementara itu, peniaga telur, Saw Ah An, 50, memberitahu setakat ini harga telur masih stabil namun tidak pasti dengan keputusan kerajaan berhubung perkara itu.

Dia yang lebih 20 tahun berniaga berkata, penarikan subsidi akan menyebabkan kenaikan harga telur untuk semua gred.

"Jika harga naik, mungkin orang ramai terpaksa terima tapi kesannya akan dirasai dalam jangka panjang," katanya.



DAYANG SITI MAZLINA



TAJUDDIN



Laporan *Sinar Harian* pada Khamis.

11/10/2024

THE SUN

NATIONAL

3

Calls for targeted price controls as govt reviews egg subsidy

BY QIRANA NABILLA
MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Federation of Malaysian Consumers Associations has urged the government to implement a more flexible or targeted price control system to ensure the needy continue to receive assistance.

Its CEO Saravanan Thambirajah said the removal of subsidies must be done such that it does not adversely affect consumers in the lower income groups.

"We understand that the provision of subsidies is a temporary measure which ensures that the prices of essential goods remain affordable, especially during supply shortages. However, removing it should be conditional upon having an ample supply of chicken eggs with stable market prices," he said.

➤ Consumers and traders urge authorities to ensure stable supply and prices to protect low-income groups from rising costs

On Wednesday, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu announced that the government will review the subsidies for chicken eggs in grades A, B and C if supply becomes stable and recovers from the current shortage.

He said the decision to end the egg subsidy is being considered based on the success of ending the chicken subsidy which saved RM100 million a month and allowed the sum to be used to develop more critical areas of the agro-food sector.

Last year, the government allocated RM927 million for chicken egg subsidies, while in June Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim

announced a three sen reduction in the retail price of grades A, B and C chicken eggs nationwide.

Saravanan said if the government feels that it is time to end the subsidies, it must ensure that the supply and prices do not result in drastic changes that could affect the cost of living.

"Additionally, the government should look into strengthening the supply chain and improving local productivity to ensure a stable supply of eggs in the long term without the subsidies," he said.

Civil servant Irwan Effendie Mohammad Shukri, 36, said while his household does not consume a

large number of eggs, now might not be the best time to end subsidies given the current economic challenges.

Instead, he suggested the government prioritise increasing the people's income first.

"If incomes rise, the public would be better equipped to manage the withdrawal of subsidies on essential goods such as eggs and other raw materials."

"The government should carefully evaluate the situation before finalising any decision. Precautionary measures should be taken to ensure that the public isn't burdened too heavily by rising costs."

Irwan Effendie said the move to remove subsidies will significantly impact traders who often have to adjust their prices in response to increased costs.

"This in turn will lead to higher prices for consumers, and affect the overall demand for goods."

"When traders raise prices due to increased costs, they tend to adjust the prices of everything, not just eggs but items made with it. This means the community at large will feel the impact as food prices in general will likely rise."

Canteen operator Siti Hapsah Karim, 45, said the possible removal of egg subsidies could be a challenge for her since they are essential goods.

Price increases on such basic ingredients would make it harder for her to keep food items affordable.

"Removing subsidies naturally puts pressure on my business, as customers are already cautious with their spending due to the rising cost of living, so even a small price increase can affect demand."

Siti Hapsah said the situation presents a dilemma as she must balance rising costs with maintaining affordable prices for her customers in a challenging economic environment.

She urged the government to think about ways to help consumers and traders ease some of their challenges, and that businesses like hers need help to succeed by providing affordable choices for customers.



Mohamad said the decision to end the egg subsidy is being considered based on the success of ending the chicken subsidy. — SYED AZAHAR SYED OSMAN/THESUN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2024	TV SARAWAK	ONLINE	

Rabies: Sabah perketat sempadan bendung jangkitan dari zon aktif



KOTA KINABALU, 10 Okt: Sabah mempertingkatkan kawalan di sempadan sebagai langkah penularan wabak rabies meskipun negeri itu tiada kes jangkitan sejak sekian lama.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri (DVS), Dr. Mary Josephine Golingai berkata, Sabah tidak mencatatkan sebarang kes

rabies sejak 1881, Sabah berkongsi sempadan dengan Sarawak dan Kalimantan, yang kedua-duanya merupakan zon aktif rabies.

“Sabah kini sedang mempertingkatkan usaha untuk menghalang penyakit maut itu daripada memasuki sempadan Sabah. Pihak jabata kini sedang mengambil beberapa langkah pencegahan tambahan, termasuk mewajibkan vaksinasi rabies dan ujian titer antibodi untuk haiwan peliharaan seperti anjing dan kucing sebelum dibenarkan memasuki negeri ini.

“Haiwan peliharaan mesti divaksin rabies sekurang-kurangnya enam bulan sebelum dibenarkan masuk,” katanya semasa ditemui wartawan selepas Majlis Penutupan Latihan Simulasi Penyakit Rabies Negeri Sabah tahun 2024, di sini, kelmarin.

Menurut Dr Mary, pegawai veterinary kini ditempatkan di pos kawalan sempadan untuk menguatkuasakan peraturan ini dengan ketat di mana ujian titer antibodi dilakukan ke atas haiwan berisiko yang dibawa masuk dari luar negeri untuk memastikan keberkesanan vaksin dan perlindungan imuniti terhadap rabies adalah mencukupi.

Justeru, beliau menggesa orang ramai untuk lebih peka dengan peraturan ini dan merujuk laman web DVS bagi mendapatkan maklumat mengenai permit yang diperlukan.

Beliau turut menekankan bahawa syarat dan prosedur lesen import boleh diakses secara dalam talian, dan kegagalan mematuhi peraturan ini boleh mengakibatkan denda sehingga RM25,000, manakala kesalahan yang lebih serius boleh dikenakan hukuman antara RM25,000 hingga RM50,000.

Dalam masa itu, Dr Mary berkata lebih kurang 10 kes telah rekodkan tahun ini yang melibatkan anjing yang dibawa masuk ke Sabah tanpa lesen import.

Beliau juga mengakui kos ujian darah antibodi rabies yang mencecah antara RM1,000 hingga RM1,500 menjadi cabaran bagi pemilik haiwan peliharaan, namun langkah-langkah ini diperlukan untuk melindungi negeri daripada ancaman rabies, katanya. -TVS

Better strategy to up beef supply

IN 2005, the amount of beef and buffalo meat consumed in Malaysia was 138,980 metric tonnes. By 2022, it was 244,801 metric tonnes, marking a 76% increase. This reflects an average annual growth rate of 4.47%.

However, domestic supply for both types of meat has declined. As a result, the self-sufficiency rate has decreased from 23.6% in 2015 to 14.7% in 2022. This means that 85.3% of the beef and buffalo meat supplied in Malaysia had to be imported.

The Department of Veterinary Services (DVS) under the Agriculture and Food Security Ministry has implemented various programmes and initiatives to expand domestic cattle and buffalo production, but these efforts have not proven successful to date.

It is time to consider a more effective strategy to build the livestock population, i.e. by increasing the number of breeding cattle. When there is a significant increase in the breeding stock, more calves can be produced, leading to livestock population growth.



Malaysia lacks vast grazing areas like Australia but has extensive oil palm plantations. Covering 5.85 million hectares, some 12.6% are already used for cattle farming. If an additional 750,000ha (an estimated 13% increase) could be allocated for cattle farming, livestock numbers could be increased by 187,500 heads (based on a ratio of one head per four hectares).

This has the potential to increase meat production by 10,416 metric tonnes (assuming that 18 cows can produce one metric tonne of meat based on a

birth rate of 56%, and an additional slaughter of 20% from culled cows and 20% from female calves).

Private and public-listed oil palm plantation companies own more than 50% of the total oil palm plantation area in the country. Typically, these companies argue that they lack the expertise to venture into cattle farming or that the returns are low.

Three approaches can be employed to attract them to invest in this venture:

1. Form joint ventures with successful companies to integrate

cattle farming with oil palm plantations.

2. Appoint successful operators to manage or run the integrated cattle-oil palm business.

3. Lease the land to local cattle farming cooperatives based on guidelines provided by the DVS and under its supervision.

The government could also offer extra tax incentives to companies involved in this investment. Most importantly, a policy should be established requiring each plantation company to identify and allocate 20%-25% of their plantation area for cattle farming.

Cattle-oil palm integration can reduce the use of herbicides (by 15%-40%) as cattle graze on part of the weeds. Reduced herbicide use can minimise negative environmental impacts, and companies can highlight this effort in their reports for Environmental, Social and Governance (ESG), Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) and Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

The slaughter of productive cows must also be prevented. One reason for the slaughter is to

increase income or due to the limited grazing area.

There is already a legal provision under the Animal Act 1953 (Act 647) prohibiting the slaughter of productive cattle to reduce the loss of breeding stock. This Act can be used alongside a system that allows the repurchase of productive cows intended for slaughter. They can be resold or distributed to farmers capable of increasing the cattle population.

These strategies can succeed if the government and private sector take an integrated approach and also implement the National Beef Industry Development Strategic Plan (BIF Plan) 2021-2025.

PROF DATUK DR QUAZA NIZAMUDDIN HASSAN NIZAM
Faculty of Health and Medical Sciences
Taylor's University

(The writer was director-general of the Department of Veterinary Services Malaysia from 2017 till 2020, and president of the Federation of Asian Veterinary Associations from 2020 to 2022.)



dagangnews.com

Berita Bisnes Anda
(/index.php/)

[Home \(/\)](#) / [Terkini \(/Terkini\)](#) / **Mardi, FAMA bantu HAMI EcoFarms tingkatkan kualiti tembikai Jepun organik premium**



TERKINI (/TERKINI) 10 Oct 2024 01:54 PM



Mardi, FAMA bantu HAMI EcoFarms tingkatkan kualiti tembikai Jepun organik premium

Chee Choy (kiri) menerangkan tentang buah tembikai organik premium Jepun kepada Zaiha Zeeti (dua dari kiri) dan Ahmad Zaki (kanan) semasa melawat ladang HAMI EcoFarms.

Oleh Zaki Salleh

editor@dagangnews.com (<mailto:editor@dagangnews.com>)



IPOH 10 Okt - Ladang tembikai Jepun organik premium pertama di Malaysia, HAMI Ecofarms Sdn. Bhd. (HAMI EcoFarms) akan dibantu agensi-agensi pertanian dalam meningkatkan kualiti buah dan pasaran.

Dua agensi terlibat ialah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Perak dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Mardi akan memberi tunjuk ajar bagi meningkatkan kualiti produk manakala FAMA daripada sudut sasaran pasaran lebih meluas.

Pengarah Urusan HAMI EcoFarms, Aw Chee Choy berkata, bantuan yang diberikan itu nanti dapat membantu syarikat untuk terus berdaya saing di pasaran.

"Kita harap dapat belajar dan tunjuk ajar daripada pihak yang lebih berpengalaman iaitu FAMA dan Mardi Perak.

"Khususnya dari sudut pemprosesan serta pasaran eksport, sebelum ini pun FAMA memberi kerjasama terbaik dan banyak bantu HAMI Ecofarms.

"Mardi pula kita harap dapat belajar tentang perusahaan ladang serta pengendalian lepas tuai," katanya ketika ditemui di ladangnya di Kawasan Perindustrian Pengkalan Il di sini.

HAMI EcoFarms menerima kunjungan 15 pegawai kedua-dua agensi yang diberikan penerangan serta dibawa melawat ke ladang.

Lawatan diketuai Pengarah Mardi Perak, Zaiha Zeeti Mohamad Yusob dan turut disertai Pegawai FAMA Daerah Kinta, Ahmad Zaki Ahmad.

Selain tembikai premium Jepun, ladang itu juga baru mengusahakan tanaman berpotensi lain seperti markisa dan labu.

Menurut Che Choy, ketika ini pihaknya masih memberikan tumpuan kepada pasaran tempatan terutamanya ke Johor dan Kuala Lumpur.

"Sebenarnya untuk eksport ialah 50 peratus sahaja, sebolehnya kita tidak mahu eksport dan amal konsep 'farm to table'.

"Saya mahu rakyat tempatan khususnya di Perak rasa keunikan buah ini yang dihasilkan secara organik, rasanya memang berbeza dan premium," ujarnya.

Sementara itu, Zaiha Zeeti berkata, ladang tersebut mengeluarkan tanaman organik yang berkualiti tinggi.

Justeru katanya, antara bantuan yang boleh diberi ialah khidmat rundingan berhubung pengendalian lepas tuai.

"Mardi akan bantu HAMI EcoFarms untuk tingkatan kualiti produk, khususnya daripada sudut pengendalian lepas tuai.

"Khidmat rundingan juga akan diberi supaya mereka dapat eksport tembikai wangi premium ini, kerana tahap ketahanan buah ini tidak lama.

"Buah bertahan dalam tujuh hari setelah dipetik dan perlu sampai kepada pelanggan dalam tempoh tersebut.

"Pertanian organik juga ambil masa lama berbanding guna bahan kimia, namun untuk jangka masa panjang sebenarnya pihak syarikat jimat bagi proses rawatan tanah," katanya. - **DagangNews.com** (<https://dagangnews.com>)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2024	SIKAP KELI	ONLINE	

“Padi Rosak Sebab Banjir,” Realiti Petani Je Faham, Tapi Boleh Elak Rugi Kalau Pandai Buat Cara Ni



Gambar hiasan

Seperti sedia maklum, padi sememangnya ditanam secara meluas di Malaysia, khususnya di negeri-negeri utara tanah air. Namun keadaan cuaca buruk seperti hujan lebat dan kemarau membawa kepada 'malapetaka' yang meresahkan petani. Lebih parah jika berlaku kejadian banjir yang boleh menenggelamkan

sawah. Implikasinya, tanaman padi rosak akibat [banjir](#) tersebut dan mendatangkan kerugian kepada petani.



Menurut laporan [Bernama](#), seluas 5,388.63 hektar dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah terjejas di kedua-dua negeri itu. Manakala, [petani](#) di kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lubuk Batu, Jitra dianggarkan rugi lebih RM2 juta apabila hampir keseluruhan kawasan seluas 232 hektar tenggelam akibat banjir.

Keadaan ini tentulah amat merisaukan terutama apabila para pesawah bukan sahaja hilang sumber pendapatan, tetapi terpaksa menanggung kerugian. Malah, untuk bangkit semula mungkin perlu mengambil masa yang lama.

Bagaimanapun, nasib pesawah ini sentiasa mendapat perhatian kerajaan, bahkan pelbagai inisiatif telah diwujudkan oleh kerajaan untuk membantu mereka.

Salah satu inisiatif tersebut ialah Skim Takaful Tanaman padi yang bertujuan untuk melindungi pesawah daripada terjejas akibat faktor luar kawalan seperti bencana banjir.

Untuk pengetahuan, skim patuh syariah ini merupakan sebahagian daripada Belanjawan 2024, dengan dana permulaan RM50 juta.



Skim Takaful Tanaman Padi (STTP)

Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) merupakan satu skim yang menggantikan Tabung Bencana Tanaman Padi dan mampu untuk mengurangkan beban kerugian yang ditanggung akibat bencana alam, seperti yang dilaporkan oleh portal [Berita RTM](#) pada Jun lalu.. Menariknya, ia akan menyediakan perlindungan tanaman padi yang

lebih baik kepada pesawah individu yang berdaftar sehingga RM3,000 semusim per hektar bagi bencana alam.

STTP merupakan yang pertama dilancarkan di Asia Tenggara dan memberi manfaat yang lebih kepada pesawah.

Selain bencana alam, setiap pesawah juga boleh mendapat perlindungan hingga RM1,500 daripada jumlah perlindungan asal semusim per hektar jika tanaman rosak akibat serangan dan penyakit. Semestinya, jumlah itu adalah lebih tinggi berbanding tabung bencana sedia ada.

Dalam pada itu, kerajaan menanggung sepenuhnya bayaran premium RM120 setahun bagi setiap hektar untuk dua musim penanaman.

Skim ini terbuka kepada semua pesawah individu di seluruh negara yang mendaftar dengan agensi yang diiktiraf Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Untuk mendaftar, para pesawah boleh mendapatkan borang takaful di pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan yang berhampiran.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Skim Takaful Tanaman Padi ini, layari laman web [MOF](#).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Paras air empangan Kedah semakin meningkat

ALOR SETAR: Faktor hujan lebat sejak pertengahan bulan lalu membantu meningkatkan semula kapasiti takungan air di tiga empangan kendalian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di negeri ini.

Setakat semalam, bacaan air di Empangan Pedu merekodkan 49.14 peratus iaitu peningkatan lebih 10 peratus berbanding 37.66 peratus yang direkodkan pada 18 September lalu.

Data oleh pihak MADA itu menyaksikan jumlah takungan air semasa di Empangan Pedu kini adalah sebanyak 425,850 ekar kaki berbanding 329,500 ekar kaki.

Bagaimanapun, paras air di empangan yang menjadi sumber utama bekalan air bagi kegunaan pertanian, domestik dan industri itu masih dikategorikan dalam paras amaran iaitu 60 peratus ke bawah.

Sementara di Empangan Muda, rekod terkini mencatatkan bacaan 77.32 peratus berbanding 23.44 peratus pada tarikh sama yang ketika ini melepasi paras normal.

Bagi Empangan Ahning pula,



EMPANGAN Pedu mencatatkan peningkatan air kepada 49.14 peratus selepas kerap hujan di daerah itu.

takungan air semasa adalah 90.31 peratus yang bersamaan 200,771 ekar kaki.

“Kawasan tadahan di ketiga-tiga empangan ini menerima hujan yang tinggi bermula 12 September lalu dan berterusan selama beberapa hari sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan takungan air semasa bagi

kan berlakunya peningkatan jumlah takungan di ketiga-tiga empangan,” kata jurucakap MADA di sini, hari ini.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, Empangan Pedu menghampiri paras bahaya sejak beberapa bulan lalu akibat musim kering dan fenomena ke-
marau berpanjangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/10/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

Kelantan harap dapat RM1.3b atasi isu air sektor pertanian

Kota Bharu: Kelantan berharap Kerajaan Persekutuan dapat memberikan peruntukan sekurang-kurangnya RM1.3 bilion untuk mengatasi isu ketidakcukupan bekalan air, bagi sektor pertanian dalam Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 18 Oktober ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri, Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata jumlah itu diperlukan bukan saja untuk menyelesaikan masalah bekalan air, tetapi juga supaya Sungai Kelantan dapat digunakan di ladang dan sawah berdekatan.

"Mungkin satu sistem yang sistematik boleh dibangunkan di Sungai Kelantan untuk tujuan ini (masalah bekalan air).

"Walaupun merentangi sungai, namun ia tidak bercanggah dengan enakmen negeri dan kanun tanah negara," katanya baru-baru ini.

Pengerusi Pesawah-Pesawah Kelantan, Zuha Ismail, berkata ketidakcukupan bekalan air, terutama kepada sektor pertanian, diharap dapat diselesaikan memandangkan isu ini membebankan kira-kira 7,100 pesawah lebih 20 tahun.

Katanya, isu berkenaan bukan sahaja menjejaskan pengeluaran hasil tanaman, malah ada dalam kalangan mereka yang terpaksa membuat pinjaman untuk kelangsungan hidup serta pembayaran balik hutang jentera yang dibeli.

"Rata-rata pesawah di kawasan Bachok bergantung kepada pam Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Sekiranya pam bermasalah, ia akan memberi kesan kepada pesawah.

"Pada Disember tahun lalu, pam Kemubu itu mengalami masalah kebocoran yang menjejaskan tanaman sehingga mencecah 90 peratus," katanya.

Pengerusi Pekebun Kecil Tanah Gambut Kampung Kual Asli di Bachok, Mat Deris, berkata majoriti pekebun dan pesawah di kawasanannya menggunakan sumber sungai berdekatan serta hutan untuk hasil tanaman.

Namun, apabila tiba musim kemarau sekitar Februari hingga Mei, memberi masalah kepada mereka kerana bekalan air kurang mencukupi.

"Isu bekalan air ini akan menjejaskan kami, terutamanya menjelang musim kemarau, sehingga menyebabkan kerugian hampir jutaan ringgit terhadap kira-kira 100 pesawah di kawasan ini," katanya. BERNAMA

11/10/2024

BERITA
HARIAN

NASIONAL

9

Pesawah lega harga belian padi naik kepada RM1,300 satu tan

Kerajaan penuhi janji naikan lantai ekonomi petani, sumbang kepada pembangunan



Oleh Noorazura
Abdul Rahman
bhnnews@bh.com.my

Jitra: Langkah kerajaan meningkatkan harga lantai belian padi kepada RM1,300 satu tan menerusi peruntukan Belanjawan 2024 berbanding RM1,200 sejak 2014, memberi kelegaan kepada pesawah dalam mengimbangi kenaikan kos mengusahakan sawah.

Beza RM100 itu besar rahmatnya bagi pesawah yang menzahirkan kesyukuran atas keprihatinan kerajaan dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Ia dilihat sebagai lanjutan kepada pengumuman kenaikan kadar Skim Subsidi Harga Padi daripada RM360 kepada RM500 satu tan.

Kegembiraan itu berganda apabila pihak kilang turut membantu dengan membeli padi harga sekitar RM1,800 satu tan bermula musim lalu.

Janji kerajaan membantu rakyat benar-benar dipenuhi dengan meletakkan kepentingan pesawah setanding golongan lain yang sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Bagi Darus Ayub, 63, dari Kampung Tanjung Kapur di sini, kenaikan itu memberi suntikan semangat kepada pesawah untuk terus memastikan ketersediaan bekalan makanan negara.

Beliau kini mengusahakan kira-kira tiga hektar sawah yang sebahagiannya tanah sawah di-sewa daripada adik-beradik dan kenalan.

"Secara purata, setiap musim iaitu empat bulan saya boleh mendapat pendapatan bersih antara RM6,000 hingga RM7,000, masih berbaloi untuk kami mengusahakan sawah setakat ini."

"Walaupun harga kos upah jentera, meracun dan benih naik, kami masih dapat sedikit untung. Alhamdulillah, semoga kerajaan terus membantu pesawah dan terus menyemak harga lantai padi," katanya yang mengusahakan sawah sejak 48 tahun lalu.

Bapa kepada lima anak itu bersyukur dapat menikmati harga jualan padi yang tinggi meskipun pada usia yang sudah lanjut.

"Saya besarkan anak-anak dengan mengusahakan sawah. Buat padi sudah menjadi adat keluarga turun-temurun, jika kami tak usahakan sawah, siapa lagi nak buat sedangkan semua orang di Malaysia makan nasi," katanya.

Abu Bakar Halim, 47, berkata harga lantai yang ditetapkan kerajaan memberi manfaat besar kepada pesawah selepas sekian



Pesawah melakukan proses menuai padi di Kampung Lubuk Kawah.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

lama tidak menikmati kenaikan harga.

Menurutnya, harga lantai itu dapat menjadi penanda aras bagi pengilang supaya tidak membeli padi pada harga kurang daripada yang ditetapkan.

"Apa yang kerajaan buat ini membuatkan pesawah berasa lebih selamat dan selesa. Kami berasa nasib pesawah terbelas dan penat lelah di bendang tidak sia-sia kerana ada harga yang perlu dipatuhi oleh pengilang."

"Apabila berlaku kenaikan harga beras, pengilang dapat membantu pesawah untuk beli padi dengan harga yang lebih tinggi ditambah bantuan RM200 sebulan sementara menunggu musim menuai."

"Bagi orang kampung yang mengerjakan bendang seperti kami, wang bantuan seperti itu memang besar nilainya."

"Sekurang-kurangnya, ia dapat membantu dalam memasti-

kan kelangsungan hidup pesawah yang rata-ratanya menjadikan sawah sebagai sumber pendapatan utama untuk menyara keluarga," katanya yang mengusahakan lima hektar sawah di Kampung Lubuk Kawah di sini.

Impak kenaikan harga belian

Petani muda, Akmal Faris Mohd Hafidz, 28, berkata kenaikan harga lantai turut memberi impak kepada kenaikan harga belian padi di kilang sehingga RM1,800 satu tan.

"Hujung tahun lalu, saya dapat hasil jualan padi mencecah RM1,800 satu tan, semusim saya dapat pendapatan bersih RM4,000 kerana sawah yang diusahakan hanya seluas satu hektar."

"Saya menampung perbelanjaan keluarga dengan bekerja sebagai pemandu lori pada musim menuai dan dari situ dapatlah juga pendapatan RM2,000."

"Jika harga lantai masih di tahap lama seperti sebelum ini, mungkin ramai pesawah tidak mampu meneruskan kerja mengusahakan sawah mereka," katanya yang juga tinggal di Kampung Lubuk Kawah di sini.

Bapa kepada seorang cahaya mata itu berharap kerajaan dapat mempertimbangkan kenaikan harga lantai padi selepas ini supaya tidak berlaku penurunan harga yang mendadak di pihak kilang.

"Kerajaan benar-benar mendengar untung nasib kami dan cepat mengambil tindakan untuk membantu pesawah seperti kami menikmati kenaikan harga lantai belian padi."

"Semua ini membuatkan kami lebih bersemangat mengerjakan bendang. Memang ada ujian seperti musim tengkujuh dan banjir tetapi kita kena usaha dan nampaknya kerajaan menghargai usaha kami," katanya.



Dari kiri Darus, Akmal Faris dan Abu Bakar menunjukkan padi yang diusahakan oleh mereka.